

## Peserta Uzbekistan Johan PABM 2023

November 5, 2023 @ 11:39am



Johan (dari kiri) Gulzoda Utkurova (kategori Antarabangsa), Muhammad Mukhlisul Mubin Julasapiyah (kategori Alam Melayu) dan Carla Goncalves De Oliveira Sarmento (kategori Antarabangsa di Malaysia) yang memenangi Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2023 di Universiti Sains Malaysia, Georgetown, malam tadi. BERNAMA

GEORGETOWN: Pelajar dari Uzbekistan, Gulzoda Utkurova, diumumkan sebagai Johan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) (kategori antarabangsa) Piala Perdana Menteri 2023 dalam pusingan akhir di Dewan Tunku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia, malam tadi.

Penuntut Tashkent State University of Oriental Studies (TSUOS) itu menewaskan naib johan yang juga rakan senegara dan seuniversiti, Sarvinoz Akramova Abdulvohid Qizi serta pelajar China, Sun Zichang dari Beijing Foreign Studies University (BFSU) di tempat ketiga, dengan pidato bertajuk "Bahasa Menjulung Bangsa."

Gulzoda, 19, berkata beliau mempelajari Bahasa Melayu sejak dua tahun lalu menerusi gurunya di Uzbekistan serta Internet atau YouTube selain buku terjemahan.

"Ini pertama kali saya menyertai pertandingan pidato bahasa Melayu dan sangat gembira serta langsung tidak menyangka akan menang di Malaysia.. terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya.

"Saya sangat suka bahasa Melayu kerana bahasanya indah dengan kosa kata dan tatabahasa yang sangat jelas, malah bahasa Melayu di Malaysia antara yang senang untuk saya pelajari. Di Uzbekistan, tidak ramai rakyat Malaysia jadi saya banyak berlatih bahasa Melayu melalui Internet dan buku terjemahan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang merasmikan pertandingan.

Bagi kategori pelajar antarabangsa di Malaysia, pelajar Universiti Malaysia Sabah Carla Goncalves de Oliveira Sarmento, 33, dari Timor-Leste muncul pemenang.

Carla yang juga pelajar ijazah doktor falsafah dalam jurusan kimia berkata beliau mengambil masa lima tahun untuk menguasai bahasa Melayu dan ini kali kedua beliau menyertai pertandingan itu.

"Kali pertama pada 2021 dan hanya sampai peringkat 10 teratas sahaja. Saya terus belajar bahasa Melayu bagi menguasai pelbagai kosa kata dan pemahaman dan akhirnya malam ini menang," katanya.

Abuelgasim Saadeldin Mansour Mohamed dari Sudan yang sedang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dipilih sebagai naib johan, manakala pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Faizal Muhammad dari Bangladesh meraih tempat ketiga.

Bagi Kategori Alam Melayu, tempat pertama dan kedua masing-masing menjadi milik peserta negara Muhammad Mukhlisul Mubin Julasapiyah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ivanatasha Abdul Majid dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Tempat ketiga dirangkul wakil Brunei, Abdul Mujib Awang Sh'minan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Johan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai RM10,000 berserta piala pusingan dan piala iringan manakala naib johan menerima RM8,000 dan tempat ketiga RM5,000.– BERNAMA